



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 70  
Bil. 10

**11hb Mei 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

**No. 1332.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

### *Tanggungjawab Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*), Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

### *Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang

---

dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaihan pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundungan Dan Peraturan Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) di Malaysia, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya:

- i. Rekod perakaunan dan rekod lain telah diselenggara dengan teratur selaras dengan Seksyen 53, Akta tersebut;
- ii. Penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan perolehan serta pelupusan aset oleh Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah selaras dengan peruntukan Akta tersebut; dan
- iii. Aset dan liabiliti telah dinyatakan dengan saksama selaras dengan polisi perakaunan.

TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG

*Ketua Audit Negara*

*Malaysia*

PUTRAJAYA

13 Julai 2016

**PENYATAAN DATUK BANDAR IPOH  
DAN AHLI MAJLIS**

Kami, Dato' Zamri bin Man dan Dato' Haji Mohamad Raduan bin Mohd Kasim yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh, Perak Darul Ridzuan pada 31 Disember 2015 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Majlis,

Bagi Pihak Majlis,

DATO' ZAMRI BIN MAN  
*Datuk Bandar Ipoh*  
Tarikh: 29 Mac 2016

DATO' HAJI MOHAMAD RADUAN  
BIN MOHD KASIM  
*Ahli Majlis*  
Tarikh: 29 Mac 2016

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian, Pengarah Perbendaharaan Bandaraya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )	t.t.
diakui oleh penama di atas )	.....
di Ipoh, Perak Darul Ridzuan )	
pada 29 Mac 2016 )	

Di hadapan saya,

t.t.  
Pesuruhjaya Sumpah  
Malaysia

**WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK**

**1352**

[11hb Mei 2017]

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2015**

	NOTA	2015 RM	2014 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	216,566,799	191,756,735
Kerja Dalam Pelaksanaan	6	29,491,622	11,828,477
		246,058,421	203,585,212
<b>ASET SEMASA</b>			
Inventori - Hartanah untuk dijual	7	472,438	472,438
Penghutang	8	49,080,763	46,964,869
Bayaran Terdahulu	9	0	1,051,616
Pendahuluan Pinjaman kepada Anggota	10	2,493,572	1,962,076
Pelaburan Simpanan Tetap	11	81,000,000	60,150,000
Tunai di Bank dan di Tangan	12	9,240,136	7,885,607
		142,286,909	118,486,606
<b>LIABILITI SEMASA</b>			
Pembiutan	13	12,309,322	8,618,729
Terimaan Terdahulu	14	12,454,915	13,370,128
Deposit	15	15,466,384	12,558,881
Sewa Beli	16	1,049,616	1,049,616
Pinjaman Kerajaan Negeri	17	625,325	0
		41,905,562	35,597,354
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>			
		100,381,347	82,889,252
		346,439,768	286,474,464
Dibiayai oleh:			
Rizab Modal	18	89,704,656	68,583,655
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	19	81,864,810	70,049,990
Kumpulan Wang	20	140,487,125	124,056,428
		312,056,591	262,690,073
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>			
Sewa Beli	16	401,610	1,451,226
Pinjaman Kerajaan Negeri	17	22,939,033	11,290,631
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	21	11,042,534	11,042,534
		34,383,177	23,784,391
		346,439,768	286,474,464

**PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	NOTA	2014 RM	2013 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Hasil Cukai	22	125,925,466	122,124,702
Hasil Bukan Cukai	23	44,022,237	42,248,931
Pelbagai Terimaan	24	22,388,864	17,335,096
		<hr/>	<hr/>
Jumlah Pendapatan		192,336,567	181,708,729
		<hr/>	<hr/>
Tolak:			
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen	25	89,315,691	85,857,857
Perkhidmatan dan Bekalan	26	63,218,097	62,092,146
Aset	27	272,333	190,585
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	28	4,150,597	1,485,258
Susutnilai	29	11,033,023	10,451,330
Pembangunan	30	2,295,575	280,531
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	31	7,546,108	8,138,744
		<hr/>	<hr/>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		177,831,424	168,496,451
		<hr/>	<hr/>
Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan/ Pindah ke KW Lebihan Terkumpul		14,505,143	13,212,278
		<hr/>	<hr/>

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1354

[11hb Mei 2017]

PENYATA PERUBAHAN BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2015

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

11hb Mei 2017]

1355

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

	2015 RM	2014 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi		
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	14,505,143	13,212,278
 Pelarasan bagi:		
Program Bandaraya Ipoh	378,500	261,808
Pembangunan Harta Modal	2,500,000	0
Penilaian Semula	(2,146,390)	0
Susutnilai	11,033,023	10,451,330
(Keuntungan)/Kerugian dari Pelupusan Harta Tetap	(567,963)	11,475
Keuntungan dari Jualan Hartanah	0	(97,173)
Hapuskira Aset	304,275	749,685
Pendapatan Tertangguh	(2,893,955)	(1,887,626)
Faedah Diterima	(3,893,764)	(2,231,526)
Faedah Dibayar	260,451	214,094
 Lebihan Bersih dari aktiviti operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	 19,479,320	 20,684,345
 Kenaikan dalam Penghutang	(2,983,021)	(3,498,711)
Tambahan Peruntukan Hutang Ragu	867,127	206,850
Kenaikan dalam Pembiutan	3,913,279	1,107,424
(Kurangan)/Kenaikan dalam Terimaan Terdahulu	(915,213)	3,136,071
Kenaikan dalam Deposit	2,907,503	2,466,306
 (Kenaikan)/Kurangan dalam pendahuluan berikut:		
Pinjaman Kenderaan (Konvesional)	4,574	0
Pinjaman Kenderaan (Islam)	(524,989)	(374,597)
Pinjaman Komputer (Islam)	(11,081)	(4,783)
Kurangan dalam Bayaran Terdahulu	1,051,616	1,976,418
 Tunai dihasilkan dari aktiviti operasi	 23,789,115	 25,699,323
 Pinjaman Kenderaan	500,800	500,000
Program Bandaraya Ipoh	(270,488)	(265,881)
Pemberian Kerajaan	481,354	302,014
Rumah Pangsa Buntong Harmoni	45,633	1,072
Program Kemiskinan Bandar	(55,719)	(26,682)
Pusat Transformasi Bandar (UTC)	1,122,359	105,718
Caj Pemajuan	2,963,960	11,300
Pembangunan Harta Modal	(5,740,845)	13,368,571
Pemberian Bil Lampu Jalan/Isyarat	0	(13,689,125)
 Aliran tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi	 22,836,169	 26,006,310

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

	2015 RM	2014 RM
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan		
Kerja dalam perlaksanaan	(542,887)	(721,477)
Hasil dari Jualan Hartanah	0	97,173
Hasil dari Jualan Aset	603,807	10,770
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	A (2,679,195)	(1,347,980)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(2,618,275)	(1,961,514)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan		
Faedah-faedah diterima	3,893,764	2,231,526
Faedah-faedah dibayar	(238,766)	(182,304)
Pinjaman Kerajaan Negeri	(618,747)	0
Pembiutang Sewa Beli – MBB	(1,049,616)	(1,049,616)
	<hr/>	<hr/>
Aliran tunai bersih dihasilkan dari aktiviti kewangan	1,986,635	999,606
	<hr/>	<hr/>
Penambahan bersih dalam tunai dan setara tunai	22,204,529	25,044,402
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	68,035,607	42,991,205
	<hr/>	<hr/>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	B 90,240,136	68,035,607
	<hr/>	<hr/>

**NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI:****A. Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan**

Pemberian Hartanah, Loji dan Peralatan Majlis adalah melalui kaedah-kaedah berikut:

	2015 RM	2014 RM
Jumlah tambahan Hartanah, Loji dan Peralatan	2,785,146	1,676,616
Tolak:		
(a) Bangunan Majlis yang diperaku siap tetapi masih belum dibayar pada kontraktor	(105,951)	(328,636)
	<hr/>	<hr/>
Pembelian secara tunai	2,679,195	1,347,980
	<hr/>	<hr/>

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**B. Tunai dan Setara Tunai**

Tunai dan setara tunai adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
Pelaburan Simpanan Tetap	81,000,000	60,150,000
Tunai di Bank dan Tangan	9,240,136	7,885,607
	—————	—————
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	90,240,136	68,035,607
	—————	—————

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**1. MAKLUMAT AM**

**1.1 VISI**

Ipooh Bandaraya Mampan, Dinamik dan Cemerlang Menjelang Tahun 2020.

**1.2 MISI**

Menerajui urus tadbir secara strategik dan inovatif ke arah bandaraya yang kondusif dan mampan untuk kesejahteraan warga kota.

**1.3 STRUKTUR ORGANISASI**

Struktur organisasi pentadbiran dan pengurusan Majlis diketuai oleh Datuk Bandar Ipoh dan dibantu oleh 23 orang Ahli Majlis yang juga merupakan Jawatankuasa bagi Majlis Bandaraya Ipoh yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membantu membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan.

Bagi mencapai objektif dan mempertingkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis serta selaras dengan kelulusan pengukuhan perjawatan Majlis Bandaraya Ipoh melalui surat Kelulusan Penjawatan (SKP) Bil. P 20 tahun 2014, Pengurusan Majlis telah memutuskan untuk melaksanakan penambahbaikan terhadap struktur organisasi Majlis dengan mengambilkira hasrat untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada warga kota.

Majlis Bandaraya Ipoh menyifatkan penyusunan semula ini sebagai daya inovasi bagi merealisasikan transformasi organisasi ke arah kecemerlangan secara menyeluruh sebagaimana yang dihasratkan pemimpin Negara. Penyusunan semula organisasi ini telah dilaksanakan berkuatkuasa mulai 15 Jun 2015.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(*samb.*)**

**1.3 STRUKTUR ORGANISASI—(*samb.*)**

Penyusunan semula struktur organisasi ini terbahagi kepada 3 sektor iaitu Pentadbiran dan Kewangan, Infrastruktur dan Operasi, serta Perancangan dan Pembangunan yang diketuai oleh tiga orang Pengarah Kanan seperti berikut:

**Pentadbiran dan Kewangan**

1. Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Jabatan Pembangunan Masyarakat
3. Jabatan Perbendaharaan
4. Jabatan Lanskap

**Infrastruktur dan Operasi**

1. Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan
2. Jabatan Kejuruteraan
3. Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran

**Perancangan dan Pembangunan**

1. Jabatan Perancang Bandar
2. Jabatan Kawalan Bangunan
3. Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

Unit-unit di bawah Pejabat Datuk Bandar terdiri dari:

1. Unit Undang-undang
2. Unit Korporat dan Perhubungan Awam
3. Unit Audit Dalam
4. Unit Pentadbiran UTC Perak
5. Unit Pusat Setempat (OSC)
6. Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)
7. Unit Teknologi Maklumat
8. Unit Ukur Bahan

**1.4 PENJAWATAN**

Kumpulan Penjawatan	Penjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
JUSA	1	Tetap	1
Pengurusan dan Profesional	53	Tetap	35
Sokongan I	698	Tetap	657
Sokongan II	1,535	Tetap	1,324

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**1.5 PENGURUSAN MAJLIS**

Majlis Bandaraya Ipoh ditubuhkan pada 27 Mei 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*). Ia diketuai oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh 23 orang Ahli Majlis yang dilantik. Pengurusan Majlis dibahagikan kepada 10 Jabatan dan 8 unit di bawah Pejabat Datuk Bandar yang diketuai oleh pegawai pengurusan dan professional. Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan Bandaraya Ipoh yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 643 km persegi dan kawasan operasi seluas 388 km persegi.

**Objektif Majlis**

Secara umumnya objektif Majlis Bandaraya Ipoh adalah menghasilkan mutu kehidupan yang lebih selesa dan seimbang serta meninggikan taraf hidup bagi semua penduduk dalam kawasan Majlis dengan perlaksanaan perkara berikut:

- (a) Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meningkatkan taraf hidup penduduk dalam kawasan Majlis.
- (b) Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
- (c) Menggalak dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.
- (d) Mengindahkan Bandaraya Ipoh bersesuaian dengan tarafnya sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran Negeri Perak Darul Ridzuan.
- (e) Menggalakkan industri, perdagangan serta pelaburan asing dan dalam.
- (f) Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.

**Fungsi Majlis**

- (a) Perancangan dan kawalan pembangunan termasuk penyediaan Pelan Struktur.
- (b) Pembangunan pertumbuhan kawasan-kawasan baru.
- (c) Kawalan bangunan, iklan dan papan tanda.
- (d) Perkhidmatan kesihatan seperti kawalan mutu makanan dan kawalan penyakit berjangkit.
- (e) Pungutan sampah dan kawalan kebersihan bandaraya.
- (f) Pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan.
- (g) Pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan.
- (h) Pengurusan lalulintas.
- (i) Penyediaan kemudahan awam.
- (j) Memperbaiki dan menaikkan taraf kampung-kampung baru/tradisi/tersusun dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(samb.)**

**Kuasa dan Bidang Kuasa**

- (a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*)
- (b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (*Akta 172*)
- (c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (*Akta 133*)
- (d) Undang-Undang Kecil Majlis Bandaraya Ipoh

**Jawatankuasa Majlis**

Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melantik jawatankuasa-jawatankuasa sama ada dari jenis am atau khas bagi membantu Majlis Bandaraya Ipoh membuat keputusan-keputusan serta dasar-dasar.

Berdasarkan kepada peruntukan di atas dan untuk kelancaran perjalanan Pentadbiran Majlis, maka Majlis Bandaraya Ipoh telah melantik beberapa jawatankuasa dan juga mewakilkan beberapa jenis kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan mengikut peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*), Undang-undang Kecil, perintah-perintah dan statut-statut lain yang berkaitan. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- i) Jawatankuasa Tetap
- ii) Jawatankuasa Eksekutif
- iii) Jawatankuasa Penasihat
- iv) Lain-lain Jawatankuasa

**(i) Jawatankuasa Tetap**

Jawatankuasa ini ditubuhkan mengikut peruntukan-peruntukan tertentu seperti Seksyen 16(4) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) dan lain-lain undang-undang yang berkaitan. Keahliannya juga adalah ditentukan/ditetapkan mengikut peruntukan yang berkenaan itu. Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tetap tidak perlu disahkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh.

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
- (b) Jawatankuasa Pelantikan Anggota
- (c) Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
- (d) Lembaga Tata tertib
- (e) Jawatankuasa Rayuan
- (f) Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(samb.)**

**(ii) Jawatankuasa Eksekutif**

Jawatankuasa ini adalah diwakilkan kuasa mengikut Seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) untuk membuat keputusan-keputusan. Pelaksanaan keputusan tidak memerlukan pengesahan dalam Mesyuarat Majlis Penuh. Korum bagi menjalankan Mesyuarat Eksekutif adalah satu pertiga daripada bilangan Ahli Jawatankuasa kecuali Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC) di mana di bawah peraturan jawatankuasa tidak menyatakan kehadiran ahli majlis sebagai korum.

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Jawatankuasa Tender
- (b) Jawatankuasa Sebut Harga (Termasuk Rundingan Terus dan Perubahan Kerja (VO)
- (c) Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
- (d) Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC)

**(iii) Jawatankuasa Penasihat**

Perlantikan beberapa Jawatankuasa Penasihat ini juga dibuat mengikut peruntukan seksyen yang sama seperti perlantikan Jawatankuasa Eksekutif. Jawatankuasa ini adalah diwakilkan kuasa mengikut seksyen 28 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) untuk membuat keputusan-keputusan. Keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat ini perlu disahkan dalam Mesyuarat Majlis Penuh. Korum bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat adalah satu pertiga daripada bilangan Ahli Jawatankuasa.

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Jawatankuasa Penasihat Tujuan-tujuan Am
- (b) Jawatankuasa Penasihat Lalulintas dan Infrastruktur
- (c) Jawatankuasa Penasihat Pelesenan, Pengukuasaan dan Penjaga Kecil
- (d) Jawatankuasa Penasihat Kebersihan, Pengindahan dan Aduan Awam.
- (e) Jawatankuasa Penasihat Kewangan.
- (f) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastaan.
- (g) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Komuniti.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**1.5 PENGURUSAN MAJLIS—(samb.)**

(iv) Lain-lain Jawatankuasa

Jawatankuasa yang tergolong dalam kumpulan ini ialah:

- (a) Jawatankuasa Pengurusan Majlis
- (b) Panel Temuguda

Kesemua jawatankuasa yang ditubuhkan ini dipengerusikan oleh Datuk Bandar bertujuan untuk memastikan semua aktiviti-aktiviti Majlis Bandaraya Ipoh mendapat perhatian yang sama dan saksama serta untuk kelancaran Pentadbiran Majlis pada keseluruhannya. Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah ditubuhkan di Majlis Bandaraya Ipoh ini sejak beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, hanya keahlian atau keanggotaan sahaja yang mengalami perubahan dan pindaan dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan dengan keadaan dan perkembangan semasa serta peningkatan keberkesanan kewujudan jawatankuasa itu sendiri.

**1.6 SUMBER KEWANGAN**

Majlis membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan melalui sumber pendapatan daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan.

Dalam urusan operasi Majlis terdapat berbagai jenis geran dan bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tujuan bantuan dan pemberian ini diberi adalah untuk pemilikan harta, menampung kos operasi dan projek-projek pembangunan dalam kawasan Majlis bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

**2. DASAR PERAKAUNAN**

**2.1 ASAS PERAKAUNAN**

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia

**2.2 PENGITRAFAN PENDAPATAN**

Pendapatan adalah berdasarkan *Kaedah Akruan* kecuali pendapatan dari Lesen, Perkhidmatan, Bayaran Letak Kereta, Notis dan Denda.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

### **3. POLISI PERAKAUNAN**

#### **3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN**

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau penilaian semula ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul.

Harta yang berjumlah RM1,000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan, manakala bagi harta berjumlah kurang dari RM1,000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di Penyata Pendapatan.

#### **3.2 PENJEJASAN ASET**

Amaun pembawa harta, loji dan peralatan dan pembangunan harta akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin akan terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan dicaj ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan dianggap sebagai pengurangan penilaian.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susut nilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula di dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.

#### **3.3 KERJA DALAM PERLAKSANAAN**

Kerja dalam perlaksanaan terdiri daripada perbelanjaan Aset Tetap dan pembangunan harta. Hartanah yang sedang dalam pembinaan adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan yang telah dikenalpasti. Tiada susutnilai yang diperuntukkan bagi Kerja Dalam Perlaksanaan.

#### **3.4 INVENTORI**

Inventori adalah harta yang belum dijual dinilai berdasarkan kos pembangunannya dan nilai boleh direalisasi bersih pada nilai yang terendah.

#### **3.5 PENGHUTANG**

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk akan dihapuskira apabila dikenalpasti.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**3.6 PERUNTUKAN HUTANG RAGU**

Peruntukan Hutang Ragu dikenakan ke atas hutang-hutang yang melebihi 6 tahun. Peruntukan Hutang Ragu dinilai dari baki penghutang yang wujud pada akhir tahun.

**3.7 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank-bank dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**3.8 PEMIUTANG**

Pemiutang dinyatakan pada kos dimana ia adalah nilai saksama pertimbangan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

**3.9 PERUNTUKAN BAGI LIABILITI**

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat peruntukan disemak pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang yang material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka untuk diperlukan bagi menyelesaikan obligasi.

**3.10 PERJANJIAN SEWA BELI**

Aset yang dibeli melalui perjanjian sewa beli akan dipermodalkan dan dinyatakan pada harga kos. Elemen modal bagi pembayaran di masa depan akan direkodkan sebagai liabiliti dan amaun faedah akan dicaj ke Penyata Pendapatan dengan kaedah garis lurus.

**3.11 PINJAMAN BERJANGKA**

Pinjaman berjangka dinyatakan pada amaun pinjaman diterima selepas menolak kos urusniaga.

**3.12 PENILAIAN SEMULA**

Bagi Tanah dan Bangunan, penilaian semula dilaksanakan setiap 5 tahun. Penilaian yang terakhir telah dibuat pada tahun 2015 oleh Intra Harta Consultants Sdn. Bhd. Penilaian dibuat berdasarkan nilai pasaran. Tarikh efektif penilaian tersebut adalah pada 31 Disember 2015.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014—(samb.)**

**3.13 GERAN-GERAN KERAJAAN**

Majlis mengiktiraf terimaan geran daripada Kerajaan sebagai pendapatan Majlis. Segala perbelanjaan terus dicajkan kepada Penyata Pendapatan apabila berlaku pada tahun yang sama. Pembayaran berhubung pembelian Aset Majlis terus dicaj kepada Aset Tetap atau Kerja Dalam Perlaksanaan.

**3.14 PENDAPATAN TERTANGGUH**

Pendapatan tertangguh merupakan pendapatan daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Ia diambilkira sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat aset berkenaan.

**3.15 MANFAAT ANGGOTA**

**3.15.1 Manfaat Anggota Jangka Pendek**

Gaji, Upahan, Imbuhan Tetap, Bonus dan faedah-faedah kewangan lain diakrukan pada tahun kewangan di mana perkhidmatan diberikan oleh anggota Majlis.

**3.15.2 Pelan Sumbangan Tertakrif**

Kewajipan berkanun bagi majikan untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Caruman Pencen (KWCP) akan diakru dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

**3.16 SUSUTNILAI**

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut *kaedah garis lurus*.

Kadar bagi susutnilai yang diamalkan adalah seperti berikut:

(a) Bangunan	2% – 3.7%
(b) Loji dan Kenderaan	20%
(c) Peralatan	20%
(d) Aset Sosial	100%

Bagi Tanah Pajakan Majlis, ianya disusutnilaikan mengikut tempoh pajakan yang ditetapkan. Bagi bangunan yang dinilaikan semula, tempoh jangka hayat bagi harta ini dianggarkan selama 27 tahun atau 3.7% setahun untuk yang dibina sebelum tahun 1993. Sementara yang dibina di antara tahun 1993 hingga 2000 tempoh jangka hayat adalah dianggarkan selama 35 tahun atau 2.86% setahun. Manakala yang dibina di antara tahun 2001 hingga 2005 tempoh dianggarkan selama 40 tahun atau 2.5% setahun. Bangunan yang dibina di antara tahun 2006 hingga 2011 adalah dianggarkan 45 tahun atau 2.22% setahun. Seterusnya bangunan yang dibina selepas tahun 2012 adalah dianggarkan 50 tahun atau 2.0% setahun.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**4. PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2015**

**4.1 ASAS PENYEDIAAN**

Penyata ini telah disediakan secara berintegrasi di antara modul-modul dalam Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Versi Majlis Bandaraya Ipoh mulai pada tahun 2004.

**4.2 PENYATA-PENYATA PENYOKONG**

Penyata-penyata penyokong terdiri dari laporan komputer yang disediakan secara automatik dalam SPBT. Walau bagaimanapun, sebahagian dari perakaunan aset disediakan secara manual kerana Modul Aset sedang dibangunkan.

**4.3 SIMPANAN TETAP**

Jumlah Simpanan Tetap Majlis pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM81,000,000 (2014 : RM60,150,000).

**4.4 KOMITMEN MODAL**

**4.4.1 Projek Pembinaan Pusat Konvensyen & Hotel di Taman Bougainvillea, Ipoh**

4.4.1.1 Berdasarkan kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1683 bertarikh 28 Disember 2011 dan Bil. 1671 bertarikh 10 Ogos 2011, telah meluluskan pemilihan syarikat Sycal Berhad untuk dilantik sebagai kontraktor bagi projek pembangunan di atas berserta syarat dimana sekurang-kurangnya 30% nilai kontrak keseluruhan projek penswastaan ini diberikan kepada syarikat Bumiputera.

4.4.1.2 Perjanjian usahasama di antara Majlis dan syarikat Sycal Berhad telah ditandatangani pada 12 Disember 2012 melibatkan kos Pembangunan sebanyak RM57,870,841.73 yang mana sebahagiannya akan dibiayai melalui Pinjaman dari Kerajaan Negeri sebanyak RM37 juta dengan tempoh pembayaran balik selama 30 tahun dan kadar faedah 2% setahun.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**4.4 KOMITMEN MODAL—(samb.)**

4.4.1 Projek Pembinaan Pusat Konvensyen & Hotel di Taman Bougainvillea, Ipoh—(samb.)

4.4.1.3 Agihan Komponen Pembangunan seperti yang telah dimeterai dalam perjanjian usahasama tersebut adalah seperti berikut:

Komponen Majlis	Komponen Syarikat
Pusat Konvensyen yang terdiri dari: - Dewan Pameran (Aras 1) - Grand Ballroom (Aras 4) - 480 petak letak kereta (Aras 1 & Aras 2) - Pejabat Pengurusan (Aras 1) - Bilik Mesyuarat (Aras 2) - 8 Bilik Sindiket (Aras 2) - Surau Lelaki dan Wanita (Aras 5) - Tandas Awam (Aras 5) - Taman Bougainvillea (Aras 3) - 2 Unit Kedai Perniagaan - One Malaysia Street Mall - Jalan selebar 50 kaki - 2 LED skrin di One Malaysia Street Mall	- Hotel - SOHO Service Apartment - 282 petak letak kereta - Kedai-kedai Perniagaan

4.4.1.4 Berikut adalah butiran berkenaan Pulangan kepada Majlis:

- i. Kos Pembangunan komponen sumbangan kepada Majlis yang dibiayai oleh syarikat dianggarkan berjumlah RM6.30 juta.
- ii. Syarikat akan mendahulukan wang sewaan berjumlah RM12.0 juta untuk membiayai sebahagian dari kos pembangunan komponen Majlis.
- iii. Kos pembangunan komponen Majlis yang akan dibiayai oleh Syarikat melalui wang sebanyak RM8.7 juta selaku sebahagian nilai tanah tersebut sepertimana yang dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Negeri Perak.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**4.4 KOMITMEN MODAL—(samb.)**

**4.4.2 Projek yang diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

Bil.	Nama Projek	2015 (RM)	2014 (RM)
(a)	Pengambilan Tanah Jalan Dr Nazrin Shah	151,000	151,000
(b)	Pasar Tanjung Rambutan	0	613,714
(c)	Pusat Konvensyen Ipoh	18,346,295	5,253,424
(d)	30 Unit Gerai Lot 35376 Chemor	0	1,221,000
(e)	Dewan Komuniti 1 Malaysia Taman Cempaka	0	1,050,343
(f)	Naiktaraf 8 Unit Tandas Ibu Pejabat MBI	0	95,415
(g)	Naiktaraf Gerai & Ruang Makan UTC	0	1,586,846
(h)	Pembangunan Semula Pasar Ayam dan Parkir Bertingkat	7,676,992	1,726,591
(i)	Pembaikan Pasar Borong Menglembu	0	97,524
(j)	Memasang Paip Bekalan Air Gerai Bawah Tali Api, Manjoi	0	32,620
(k)	Naiktaraf Pejabat Wisma Bougainvillea	293,934	0
(l)	Naik Taraf Pasar Tambun	96,670	0
(m)	Makmal IT di Perpustakaan Tun Razak	72,473	0
(n)	Pemasangan CCTV, Tempat Letak Kereta UTC Perak	153,433	0
(o)	Medan Selera Dato' Sagor	2,700,825	0

**(a) Pengambilan Tanah Jalan Dr Nazrin Shah**

Kos asal Kontrak	RM300,000
(-) Bayaran	RM151,000

(Nota 6)

Komitmen Modal	RM149,000
----------------	-----------

**(b) Pusat Konvensyen Ipoh**

Kos asal Kontrak	RM59,311,148
(-) Bayaran	(RM18,346,295) (Nota 6)

Komitmen Modal	RM40,964,853
----------------	--------------

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**4.4 KOMITMEN MODAL—(samb.)**

**4.4.2 Projek yang diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan—(samb.)**

(c) Pembangunan Semula Pasar Ayam dan Parkir Bertingkat		
Kos asal Kontrak	RM 12,956,365	
(-) Bayaran	(RM 7,676,992)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 5,279,373	 <hr/>
 (d) Penempatan Semula Pejabat ke Wisma Bougainvillea	 	 
Kos asal Kontrak	RM 465,000	
(-) Bayaran	(RM 293,934)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 171,066	 <hr/>
 (e) Naik Taraf Pasar Tambun	 	 
Kos asal Kontrak	RM 315,466	
(-) Bayaran	(RM 96,670)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 218,796	 <hr/>
 (f) Makmal IT di Tingkat 4, Perpustakaan Tun Razak	 	 
Kos asal Kontrak	RM 76,288	
(-) Bayaran	(RM 72,473)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 3,815	 <hr/>
 (g) Pemasangan CCTV, Tempat Letak Kereta UTC Perak	 	 
Kos asal Kontrak	RM 177,689	
(-) Bayaran	(RM 153,433)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 24,256	 <hr/>
 (h) Medan Selera Dato' Sagar	 	 
Kos asal Kontrak	RM 3,530,850	
(-) Bayaran	(RM 2,700,825)	(Nota 6)
 Komitmen Modal	 RM 830,025	 <hr/>

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)**

**4.5 HAKMILIK TANAH KERAJAAN NEGERI**

Termasuk di dalam Hartanah, Loji dan Peralatan adalah terdiri daripada bangunan milikan Majlis tetapi status tanah masih di atas milikan Kerajaan Negeri.

**4.6 PEMBERIAN KUASA UNTUK PENGISUAN**

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 telah diberikuasa untuk pengisuanannya berdasarkan kepada resolusi Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis Bandaraya Ipoh yang bertarikh 29 Mac 2016.

**4.7 PERISTIWA SUSULAN**

Baki pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM11,042,534 adalah pinjaman yang diterima bagi projek saluran najis bandar dan pembentungan. Pinjaman tersebut adalah melalui Kerajaan Negeri untuk membayai Majlis dalam pembinaan sistem pembentungan baru di kawasan Bandaraya Ipoh.

Sistem pembentungan dan perkhidmatan saluran najis bandar Ipoh telah diswastakan dan diambil alih oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd (“IWK”) pada 1 Disember 1994 tetapi tanggungan pinjaman tersebut tidak dipindahkan kepada IWK kerana tidak ada sebarang perjanjian dibuat oleh Kerajaan Persekutuan untuk memindahkan pinjaman tersebut.

Memandangkan perkhidmatan saluran najis bandar telah diswastakan, semua aset dan tanggungan seharusnya telah dipindahkan ke IWK. Oleh itu, pinjaman saluran najis bandar sebanyak RM11,042,534 seharusnya telah dipindahkan kepada IWK dan tidak lagi menjadi tanggungan kepada Majlis. Ini mengakibatkan tanggungan Majlis terlebih nyata sebanyak RM11,042,534.

Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan KK/SID/C/696/8 (8) bertarikh 12 Februari 2016 memaklumkan secara dasarnya telah meluluskan untuk hapuskira pinjaman tersebut dan Majlis telah tidak lahi bertanggungan atas bayaran balik baki pinjaman yang berjumlah RM11,042,534. Walau bagaimanapun, pelarasian hapuskira tersebut hanya boleh dibuat setelah pewartaan tanah tapak dan sistem pembentungan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian oleh Kerajaan Negeri Perak dimuktamadkan.

**4.8 ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN**

Angka-angka perbandingan tertentu dalam Penyata Kewangan ini telah dikelaskan semula selaras dengan pembentangan akaun semasa.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

11hb Mei 2017]

1371

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)

### 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN 2015

	Tanah Milikbebas	Tanah Pajakan	*Tanah Tasek	**Bangunan	Jumlah Hartanah
<b>HARTANAH KOS/PENILAIAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki Pada 1/1/2015	1,179,000	3,061,600	10	204,580,263	208,820,873
Tambahan Dalam Tahun	0	1,051,616	0	339,013	1,390,629
Pindahan dari Kerja Dalam Perlaksanaan	0	0	0	4,697,462	4,697,462
Penilaian Semula	761,000	3,285,400	0	(6,919,528)	(2,900,128)
Pemberian Kerajaan	0	0	0	5,373,666	5,373,666
Hapuskira/Pelupusan	0	0	0	(5,069,735)	(5,096,735)
<b>Baki Pada 31/12/2015</b>	<b>1,940,000</b>	<b>7,371,616</b>	<b>10</b>	<b>203,001,141</b>	<b>212,312,767</b>

#### ANALISA KOS & PENILAIAN 31 Disember 2015

Penilaian	1,940,000	6,320,000	0	192,591,000	200,851,000
Kos	0	1,051,616	10	10,410,141	11,461,767
	<b>1,940,000</b>	<b>7,371,616</b>	<b>10</b>	<b>203,001,141</b>	<b>212,312,767</b>

#### SUSUTNILAI TERKUMPUL

Baki Pada 1/1/2015	0	1,039,485	0	25,444,878	26,484,363
Kadar dikenakan tahun semasa	0	98,994	0	5,935,321	6,034,315
Penilaian Semula	0	(1,039,485)		(25,273,548)	(26,313,033)
Hapuskira/Pelupusan	0	0	0	(171,330)	(171,330)
<b>Baki Pada 31/12/2015</b>	<b>0</b>	<b>98,994</b>	<b>0</b>	<b>5,935,321</b>	<b>6,034,315</b>

#### NILAI BUKU BERSIH

31 Disember 2015	1,940,000	7,272,622	10	197,065,820	206,278,452
------------------	-----------	-----------	----	-------------	-------------

	Hartanah	Loji dan Kenderaan	Peralatan	Jumlah
<b>KOS/PENILAIAN</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Baki Pada 1/1/2015	208,820,873	37,407,389	35,100,095	281,328,357
Tambahan Dalam Tahun	1,390,629	288,926	1,105,591	2,785,146
Pindahan dari Kerja Dalam Pelaksanaan	4,697,462	0	0	4,697,462
Penilaian Semula	(2,900,128)	0	0	(2,900,128)
Pemberian Kerajaan	5,373,666	4,094,435	417,955	9,886,056
Hapuskira/Pelupusan	(5,069,735)	(5,398,815)	(5,082,645)	(15,551,195)
<b>Baki Pada 31/12/2014</b>	<b>212,312,767</b>	<b>36,391,935</b>	<b>31,540,996</b>	<b>280,245,698</b>

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1372

[11hb Mei 2017]

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015—(samb.)

### 5. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN—(samb.) 2015

	Hartanah	Loji dan Kenderaan	Peralatan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
<b>ANALISA KOS &amp; PENILAIAN</b>				
31 Disember 2015				
Penilaian	200,851,000	0	0	200,851,000
Kos	11,461,767	36,391,935	31,540,996	79,394,698
	212,312,767	36,391,935	31,540,996	280,245,698
